



JUHAR Mahiruddin (dua kanan) menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Ahmadshah Abdullah pada majlis Konvokesyen Ke-13 UMS di Kota Kinabalu, semalam.

Ahmad Shah terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

um 27.11.2011 16

KOTA KINABALU 26 Nov. - Bekas Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmad Shah Abdullah hari ini menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Sosiologi Industri sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Canselor UMS di sini.

Anugerah disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin yang juga bekas Canselor UMS.

Anugerah tersebut diberikan bagi menghargai sumbangan dan jasa Ahmad Shah yang juga bekas Can-

selor UMS terhadap pembangunan dan kemajuan universiti itu serta kemajuan negeri Sabah.

Selain itu, Pengarah Balai Seni Sabah, Datuk Mohd. Yaman Ahmad Mus turut menerima Ijazah Kehormat Sarjana Seni Visual bagi menghargai sumbangan beliau terhadap bidang seni lukis di Sabah.

Menurut Ahmad Shah, anugerah berkenaan merupakan penghargaan tertinggi dalam konteks akademik ke atas dirinya.

Bagaimanapun, beliau berharap UMS

akan terus berusaha meningkatkan pencapaiannya dari semasa ke semasa.

"Sebagaimana penerima Ijazah Kehormat yang terdahulu dari saya, puji'an yang diberikan akan juga disampaikan oleh individu lain yang menerima pada masa akan datang.

"Namun, ia hanya akan berlaku selagi universiti ini berterusan mempertingkatkan program-program pembangunannya khususnya pengajaran dan pembelajaran begitu juga dalam bidang penyelidikan," ujarnya.